

## MENANGANI ISU MURTAD DI SINGAPURA

© Muhammad Haniff Hassan

### Perlu Membina Konsensus

Keluar dari agama Islam atau dikenali dengan murtad adalah kemungkaran yang besar dalam Islam. Terdapat banyak ayat dalam Al-Quran yang mencela perbuatan sedemikian. Sikap sedemikian bukanlah sesuatu yang asing atau eksklusif dalam Islam kerana semua agama memandang negatif apabila penganutnya berpaling tadaah kepada ajaran agama lain. Atas dasar itu, murtad adalah satu tindakan yang tidak dapat dipersetujui atau dibenarkan oleh seorang Muslim, walau pun jika ia harus menghormati pilihan seorang individu.

Disebabkan oleh seriusnya perbuatan murtad dari sudut pandangan agama dan kesan jangka panjangnya pada kewujudan sesuatu masyarakat Islam, masyarakat Islam umumnya mempunyai keperihatinan yang tinggi terhadap apa juar kes murtad yang berlaku di kalangan mereka.

Sikap sedemikian sememangnya difahami. Namun, masyarakat Islam juga perlu berhati-hati agar tidak jatuh dalam emosi yang melulu apabila berhadapan dengan isu ini. Sebaliknya sikap masyarakat seharusnya kekal rasional. Ini boleh dicapai dengan meletakkan isu murtad ini pada perspektif yang betul yang diasaskan bukan hanya melalui kefahaman nas syara' atau hukum tetapi juga melalui petunjuk-petunjuk yang diperoleh melalui sejarah dan fakta-fakta dari data dan konteks semasa.

Peringatan di atas bukanlah sesuatu yang tidak wajar jika kita mengimbang kembali reaksi emosi segelintir umat Islam terhadap karikatur yang menghina Rasulullah s.a.w. Untuk mengelakkan letusan emosi sedemikian berlaku di Singapura, langkah untuk membina konsensus bagi satu sikap yang betul di kalangan semua pemegang saham (*stakeholders*) dalam masyarakat Islam, yang terpenting di antara mereka ialah para karyawan dan ulama, perlu dilakukan kerana keterbukaan dunia akan memaksa, suka atau tidak, masyarakat Islam Singapura berhadapan dengan isu ini dan membuat pendirian mengenainya.

Insiden seperti yang berlaku di Afghanistan pasti akan muncul lagi dan akan mempengaruhi masyarakat tempatan. Di Malaysia, akta menangani masalah murtad masih lagi tidak terselesa dan akan terus menjadi bahan perdebatan. Tidak mustahil bahawa debat yang sama juga akan muncul di Indonesia memandangkan proses santrinisasi yang terus berlaku di sana. Kesemua itu akan turut disaksikan oleh masyarakat Singapura. Bahkan, masyarakat Islam setempat juga pernah digemparkan oleh isu yang sama. Malangnya ia tidak menjurus kepada penggembelangan ke arah satu sikap atau kebijaksanaan bersama.

Sebenarnya isu ini pernah dibangkitkan oleh En. Ridzuan Wu dalam bukunya *Readings in Cross Cultural Da'wah* (2001) tebitan Darul Arqam tetapi tidak mendapat perhatian yang sewajarnya, sehingga baru-baru ini bahagian yang berkaitan dengan isu murtad diterjemah dan diterbitkan di Berita Harian (7 April 2006). Itu pun tidak menimbulkan apa-apa reaksi dari para pemimpin masyarakat setempat. Sedangkan keadaan memerlukan para pemimpin masyarakat berkenaan untuk bersikap proaktif.

## Perspektif Yang Saksama

Titik tolak bagi pespektif yang wajar mengenai murtad ialah menerima bahawa ia sebenarnya adalah sesuatu yang lumrah, semulajadi dan sebahagian dari sunnah Allah taala itu sendiri.

Antara sunnah Allah terhadap ciptaananya ialah wujudnya hubungan dialektika berterusan antara kuasa kebenaran dan kebatilan sehingga berakhir dunia ini. Natijah dari hubungan ini ialah sebahagian manusia akan menerima Islam dan sebahagian yang lain pula menerima yang selainnya. Dalam Al-Quran dinyatakan pula sebahagiannya diberi petunjuk oleh Allah taala dan sebahagian yang lain disesatkan pula. Hakikat ini berlaku di awal-awal hidup seseorang atau dipertengahan.

Atas dasar inilah, insiden murtad tetap wujud walaupun semasa kehidupan Rasulullah s.a.w dan dikalangan para sahabat beliau. Seorang pengikut Nabi s.a.w bernama Talhah bin Khuwailid pernah murtad dan mengaku sebagai nabi, walaupun kemudiannya dia bertaubat semasa zaman Khalifah Rasyidin. Seorang pengikut Rasulullah s.a.w pula pernah berpaling ke agama Kristian setelah behijrah ke Habsyah meninggalkan isteri yang kemudiannya dinikahi oleh Rasulullah s.a.w. Seorang Kristian pula pernah memeluk Islam dan menjadi penulis bagi Rasulullah s.a.w tetapi kemudiannya dia kembali kepada ajaran Kristian dan mendakwa bahawa Rasulullah s.a.w tidak tahu apa-apa kecuali apa yang dia tuliskan untuknya. Seorang bernama Abdullah bin Abi Sarh juga telah murtad dan berpaling tadaht ke Mekah semasa hidup Rasulullah s.a.w. Beliau kemudian bertaubat dan menjadi salah seorang gabenor semasa pemerintahan Uthman r.a. Bahkan dalam perjanjian Hudaibiyah, Rasulullah s.a.w bersetuju dengan klausa yang menyatakan mana-mana individu dari pengikut beliau yang ingin berpaling ke pihak Mekah (murtad), tidak boleh dikembalikan kepadanya. Sejurus setelah kematian Rasulullah s.a.w, sejumlah besar kabilah-kabilah Arab menjadi murtad dan memberontak sehingga menimbulkan ancaman keselamatan pada negara.

Ertinya, Rasulullah s.a.w sendiri, seorang yang amat gigih dan bijaksana dalam usaha dakwah, tidak dapat menahan insiden ini dari berlaku. Sikap beliau terhadap masalah ini ialah untuk mengurusnya dengan bijaksana dan bukan membanterasnya.

Persoalan murtad juga tidak boleh dipisahkan dari gambaran besar usaha dakwah secara keseluruhannya. Dalam hal ini, walaupun murtad adalah satu kemungkaran yang serius tetapi ia tetap merupakan satu dari pelbagai mungkar atau masalah yang perlu ditangani oleh mana-mana masyarakat Islam. Oleh itu, ia perlu dinilai mengikut pertimbangan *awlawiyat* (keutamaan) berdasarkan keseriusan gejala berkenaan dibandingkan dengan masalah-masalah yang lain.

Atas dasar itu juga, isu murtad perlu dikaitkan dengan pencapaian dan maslahat dakwah yang lain. Jika murtad adalah satu kerugian (*loss*), maka ia perlu dinilai bersama dengan keuntungan (*gain*) yang diperolehi juga. Ini bermakna kerugian 100 individu yang berpaling dari Islam belum tentu merugikan jika dinilai bersama dengan 1000 individu yang memeluk Islam dalam setahun. Dasar berfikir seperti ini dapat dilihat dalam sikap Rasulullah s.a.w yang menerima Perjanjian Hudaibiyah sedangkan hampir seluruh sahabatnya merasa kecewa disebabkan klausa-klausa yang ada yang antara lain membentarkan mana-mana individu atau kabilah yang bersama Rasulullah s.a.w untuk berpaling pula kepada golongan musyrikin Mekah. Rasulullah s.a.w menerima perjanjian ini kerana

ia melihat isu secara holistik dan pertimbangan maslahat yang lebih berat dari mudarat yang akan berlaku.

Oleh itu, jika ada pihak berpendapat perlu bagi masyarakat Islam berusaha memastikan 0% murtad, ia sebenarnya hanyalah satu retorika yang membangkitkan semangat tetapi tidak realistik dan tidak sejajar dengan sunnah Allah taala itu sendiri. Pernyataan seperti itu seolah-olah ingin menjadi lebih baik dari Rasulullah s.a.w. Natijahnya hanyalah kekecewaan dan lebih buruk lagi ialah letusan emosi yang akan merugikan masyarakat Islam sendiri.

### Hukum Dominan & Penilaian Semula

Membicarakan isu murtad tidak dapat mengelak dari membicarakan hukum fiqh mengenainya kerana kecenderungan umat Islam untuk sentiasa melihat sesuatu isu itu dari kacamata hukum. Hakikat ini dapat dilihat dari insiden murtad yang berlaku di Afghanistan baru-baru ini.

Sememangnya diakui bahawa pendapat yang popular dan dominan sehingga kini mengenai hukuman seorang yang murtad ialah hukuman mati setelah ditsabitkan bersalah oleh mahkamah. Namun, bagi meletakkan isu ini pada perspektif yang betul, perlulah diperjelaskan bahawa hakikatnya di sana wujud perbezaan pendapat di sisi ulama mengenai hukuman ke atas perbuatan murtad. Perbezaan ini bukanlah satu perkara yang baru atau usaha ulama masa kini untuk mengubah pandangan ulama dahulu tetapi ia sudah telah wujud sejak zaman ulama awal lagi.

Imam Abdul Razaq As-San`ani dalam kitabnya *Al-Musannif* meriwayatkan beberapa pandangan yang berbeza dari generasi awal antaranya ialah pandangan Imam An-Nakha'ii daripada riwayat Sufyan Ats-Tsauri bahawa orang murtad hanya dituntut untuk bertaubat sahaja. Dalam satu riwayat lain, seorang sahabat bernama Anas bertanya mengenai hukuman orang yang murtad kepada Umar. Umar menjawab bahawa beliau lebih suka menangkap dan meminta mereka bertaubat. Jika mereka enggan, beliau akan memenjarakan mereka sahaja. Umar bin Abdul Aziz pula diriwayatkan mengeluarkan perintah kepada gabenorinya Maimun bin Mahran agar mengenakan jizyah ke atas sesiapa yang murtad dan membiarkan mereka.

Al-Baji, seorang alim dari mazhab Maliki dalam kitabnya *Al-Muntaqa Syarh Al-Muwatta* berpendapat bahawa murtad hanyalah satu maksiat yang tidak ada berkaitan dengan hukuman hudud atau hak makhluk yang lain.

Dalam menghuraikan hadits yang menyebutkan mengenai hukuman mati bagi murtad, Ibn Taimiyah dalam bukunya *As-Sarim Al-Maslul* menjelaskan bahawa hadits itu merujuk kepada seorang yang murtad dan melakukan *hirabah* (pengganasan).

Berdasarkan perbezaan yang ada inilah dan perubahan realiti semasa, ulama kontemporari melakukan penilaian semula terhadap pandangan yang dominan. Antara mereka yang mengemukakan penilaian semula terhadap hukuman bunuh ke atas tindakan murtad ialah Sheikh Mahmud Syaltut dari Al-Azhar. Beliau berpendapat, dalam bukunya *Al-Islam: Aqidah Wa Syari'ah* (1964), tindakan murtad sahaja tidak cukup untuk seseorang itu dihukum bunuh. Demikian juga Dr. Salim Al-Awwa dalam bukunya *Fi Usul An-Nizam Al-Jina'i* (1978). Antara karya terkini pula ialah buku *Freedom of Religion, Apostasy and Islam* (2004) oleh Abdullah Saeed dan Hassan Saeed, *Islamic Law of Apostasy and Its Modern Applicability: A Case of Sudan* (1986) oleh Abdullahi

Ahmed An-Na`im dalam jurnal *Religion* dan yang terkini ialah *Is Apostasy a Capital Crime in Islam?* (2006) oleh Dr. Jamal Badawi di IslamOnline. (Lihat di <http://www.islamonline.net/English/contemporary/2006/04/article02.shtml> )

Kesimpulan dari pandangan para ulama kontemporari ini ialah walaupun murtad adalah satu maksiat tetapi ia bukan tertakluk dibawah kesalahan hudud yang mempunyai hukuman yang tetap. Hukuman bunuh yang dikenakan ke atas pelaku murtad dalam dalil-dalil syara' bukanlah semata-mata kerana perbuatan murtad tetapi kerana ia diikuti dengan tindakan pemberontakan bersenjata, *hirabah* (pengganasan) dan pengkhianatan yang mengancam keselamatan negara.

Tindakan bagi mengatasi masalah murtad ini, termasuk polisi-polisi pencegahan, adalah berdasarkan apa yang memberi maslahat kepada masyarakat dan tertakluk pada pertimbangan penguasa.

Kewujudan perbezaan pendapat ulama sepatutnya memberi keanjalan bagi para ulama masa kini untuk menetapkan aturan yang sesuai dengan perubahan masa kini dan tidak seharusnya terperangkap dengan pendapat yang dominan semata-mata.

Memikirkan langkah-langkah bersifat legal ke atas murtad, perlulah juga mempertimbangkan sebuah hadits yang menceritakan mengenai Abdullah bin Ubai bin Salul yang telah mencela Rasulullah s.a.w. Apabila perkara berkenaan diadukan kepada beliau oleh para saksi, beliau tidak mahu melaksanakan hukum ke atasnya dan berkata "Biarkanlah dia, Umar! Supaya orang-orang tidak berkata Muhammad telah membunuh pengikutnya."

Hadits berkenaan mengajar bahawa mengambil kira persepsi orang dalam mengambil keputusan dianjurkan dalam Islam, walaupun jika Muslim yakin ia berada pada sisi yang benar. Hadits tersebut juga mengajar bahawa Muslim perlu mengelakkan berbuat sesuatu yang dapat mengakibatkan mudarat dan persepsi yang buruk terhadap agama, walaupun jika perbuatan itu diperbolehkan.

Setengah pihak mungkin berpendapat bahawa soal menentukan hukum ke atas perbuatan murtad di Singapura tidak relevan kerana hakikat Singapura sebagai sebuah negara sekular dan masyarakat Singapura adalah minoriti. Secara realistik, adalah mustahil untuk masyarakat Islam mendapat hak untuk membuat tindakan hukum ke atas pelaku murtad, baik hukum itu berdasarkan syariah atau tidak.

Namun, perlulah diingat bahawa isu hukuman syara' ke atas pelaku murtad akan muncul dan masyarakat Islam Singapura akan pasti terdedah kepadanya di sebabkan globalisasi. Atas dasar itu, mereka tetap perlu dibimbang untuk mempunyai sikap yang betul agar apa yang berlaku di luar negara tidak mempengaruhi kehidupaan beragama setempat.

Dalam hal ini juga, perlu dikemukakan di sini bahawa para ulama dan pemikir Islam masa kini, paling kurang, sejak dari tahun 1960an lagi telah mula membincangkan dan membuat penilaian terhadap pandangan yang dominan – hukuman mati ke atas pelaku murtad. Usaha berkenaan berjalan berterusan sehingga kini dan semakin mendapat perhatian oleh generasi muda Muslim hari ini.

Ini menunjukan bahawa masyarakat Islam bukanlah kelompok yang tidak mengenal reformasi dan perubahan dalam amalan dan pemikiran agama mereka. Reformasi berkenaan pula bukan sesuatu yang ekslusif milik pemikir Muslim yang beraliran sekular atau Barat.

Hakikat ini menolak kritikan setengah pihak ketika insiden murtad di Afghanistan mendapat laporan besar di media akan sifat jumud dan statik kelompok ulama tradisional sehingga menimbulkan persoalan akan kesesuaian Islam dengan nilai-nilai universal yang dipegang oleh masyarakat antarabangsa hari ini. Menggunakan insiden di Afghanistan semata-mata sebagai contoh untuk tradisi hukum Islam sebagai lapuk dan tidak bersesuaian dengan dunia moden lebih merupakan satu langkah yang bersifat opurtunistik dari satu penilaian yang saksama.

### **Melangkah Ke Depan**

Masalah murtad adalah satu masalah yang kompleks. Ia biasanya berlaku akibat dari pelbagai faktor seperti masalah psikologi, kemiskinan, latarbelakang pendidikan, kekeluargaan dan pendidikan agama. Adalah simplistik untuk cepat menuding jari pada kegagalan institusi asatizah dan masjid dalam menyampaikankan ajaran agama seperti menekankan aspek halal dan haram atau ancaman neraka sahaja atau menuding jari kepada institusi-institusi yang bersifat sekular dan media sahaja kerana mempromosi sekularisme dan hedonisme.

Menangani masalah ini memerlukan pendekatan bersepadu. Isu yang hendak ditangani bukan hanya soal menjelaskan murtad sebagai satu maksiat dan perlu dihukum tetapi juga meninjau huraiannya dari pelbagai disiplin sains sosial dengan berdasarkan data-data yang ada serta mengambilkira realiti khusus Singapura.

Ini memerlukan penggembelengen tenaga para pemimpin masyarakat setempat dan termasuk dalam usaha ini ialah membina satu konsensus bersama dalam isu murtad sebagai dasar bagi membimbing masyarakat untuk mempunyai sikap yang betul. Dengan mempunyai konsensus ini mudah bagi masyarakat Islam setempat untuk menyatakan satu pendirian yang utuh di sini bagi memenuhi tanggungjawab menyuarakan suara-suara sederhana di kalangan umat Islam dan sekaligus menjelaskan pendirian terbuka kepada masyarakat lain dalam masalah ini. Ini akan lebih memudahkan proses interaksi idea berjalan dengan baik yang akan pula meningkatkan kefahaman dan mengurangkan prasangka antara kaum di sini.